

11 JUN 1999

AGUNG HANTAR PERUTUSAN KEPADA PRESIDEN FILIPINA

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Aishah menghantar perutusan tahniah kepada presiden Filipina Joseph Estrada kerana ulang tahun ke 101 hari perisytiharan kemerdekaan Filipina esok.

Sultan Salahuddin dalam perutusannya menyatakan keyakinan yang penduduk Filipina akan terus menikmati keamanan, kemajuan dan kemakmuran, menurut satu kenyataan daripada Wisma Putra di sini, hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mesejnya kepada Estrada berkata, sebagai anggota Asean, kita berharap kerjasama dalam mengekalkan keamanan serantau dan keharmonian akan berterusan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, dalam perutusan kepada rakan sejawatannya, Domingo L. Siazon Jr. berkata, beliau yakin yang hubungan dua hala antara kedua-dua negara akan terus diperkukuhkan di tahun-tahun akan datang.

-- BERNAMA

MHI PR